

# PRU15: Muhyiddin jumpa Tun M ajak bergabung

**KUALA TERENGGANU:** Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) mendedahkan didatangi Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membentuk kerjasama menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, pertemuan Muhyiddin dan pengerusi parti itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dibuat dua minggu lalu setelah Bersatu tewas dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini Pejuang belum memberi kata putus mengenai ta-

waran penggabungan itu.

“Mungkin saya boleh katakan buat masa ini kita kurang bersetuju dengan apa yang dicadangkan untuk bergabung dengan kerajaan memerintah.

“Ketika ini memang banyak perjumpaan di sebalik tabir berlaku dengan semua pihak bukan hanya dalam kalangan pembangkang malah pemimpin kerajaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas perjumpaan dengan Pejuang Terengganu di sini semalam.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, Pejuang terbuka untuk bekerjasama dengan parti lain termasuk Bersatu dan Pas

dalam PRU-15 jika mereka ikhlas dan bersih.

Namun, bekas Perdana Menteri itu menafikan Pejuang, Bersatu, Gerakan dan Parti Warisan Sabah (Warisan) akan menubuhkan Gerakan Pejuang Nasional (GPN).

Sementara itu, Mukhriz menyifatkan hubungan antara Muhyiddin dan Mahathir masih dingin di sebalik tawaran bekerjasama yang dicadangkan.

“Luka kami belum pulih, dok berdarah lagi.

“Tetapi kami faham demi negara dan rakyat, tiada benda yang kami tidak sanggup buat kalau niatnya betul,” katanya.